

✓ ①

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,  
DATUK HUSSEIN ONN, DI PERJUMPAAN  
BARISAN NASIONAL, BAHAGIAN JOHOR  
BAHRU DI DEWAN JUBILI INTAN,  
JOHOR BAHRU, PADA 25HB NOVEMBER,  
1976 - JAM 2.30 PETANG

---

1. Y.A.B. Tan Sri Datuk Haji Othman Sa'at,  
Menteri Besar dan Pengerusi Barisan  
Nasional Negeri Johor,
2. Y.B. Ahli-Ahli Majlis Kerja Negeri,
3. Y.B. Puan Hajjah Hasnah,
4. Ahli-Ahli Yang Berhormat,
5. Pemimpin-Pemimpin Parti Anggota Barisan  
Nasional, dan
6. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya mengucapkan syukur kehadiran Allah  
Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya dapat  
saya bersama-sama hadir dalam majlis perjumpaan  
ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan  
kepada hadirin sekalian, khasnya Y.A.B. Tan Sri  
Datuk Haji Othman Sa'at, atas penghormatan yang  
telah diberikan kepada saya <sup>berkaitan dengan</sup> ~~dalam~~ bidang lawatan  
saya ke Johor kali ini.

2. Uchapan  
selamat  
Haji Raya  
Haji serta  
menuntut  
maaf apa<sup>2</sup>  
kesalahan  
zahir &  
batin.

Pambahan: 1. minta maaf kerana tidak datang ke J.B.  
kerana berhari raya adil fithri disebabkan tugas  
di Kuala Lumpur. ..2/-

3. Sebagaimana kita sedia maklum, kita telah hampir mengakhiri tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan raksaksa yang penuh dengan daya cipta, serta usaha yang berani itu, adalah dirancangkan semata-mata untuk menghadapi cabaran-cabaran sosio ekonomi dan politik dewasa ini, serta dalam beberapa tahun yang akan datang. Ianya merupakan satu usaha yang terbesar pernah dirancangkan oleh Kerajaan, untuk faedah dan kepentingan rakyat jelata. Rancangannya di rangka khusus untuk menyatukan asas-asas yang telah sedia ada dan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai, bagi mengukuh serta mengeratkan lagi perpaduan dan kesejahteraan rakyat berbilang kaum di negara ini.

2. Inilah pertama kali saya menghadiri Perjumpaan dengan Ahli-Ahli Barisan Nasional Bahagian Johor Bahru, sejak saya mengambil-alih tugas pucuk pimpinan Parti dan Kerajaan. Dalam lawatan resmi saya ke Johor tujuh bulan yang lalu, saya tidak mempunyai kesempatan beramah mesra dengan tuan-tuan dan puan-puan sekelian, di sebabkan kesuntukan masa.

4. Sesungguhnya, Malaysia telah dapat membentuk corak dan susunan baru dalam bidang pembangunan dan pertumbuhan ekonomi, hasil dari pelancaran Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1970. Usaha Kerajaan untuk meninggikan lagi taraf ekonomi rakyat, serta membaiki lagi keadaan hidup rakyat yang miskin dan daif di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar, telah banyak mendatangkan kesan.

5. Rancangan Malaysia Kedua yang diasaskan di atas lunas-lunas Dasar Ekonomi Baru ini, ~~dan di~~ <sup>menyebabkan permulaan</sup> ~~lancarkan pada tahun berikutnya, telah dapat~~ <sup>penchayaan</sup> ~~mencapai~~ matalamat serampang dua matanya, iaitu mengurangkan kemiskinan di kalangan rakyat berbilang kaum ~~yang miskin, dan sebanyak sedikit dapat~~

menyusun semula masyarakat yang tidak seimbang. ~~itu~~.

Kedua-dua matalamat ini, adalah bertujuan untuk mencapai perpaduan yang berkekalan di negara kita ini.

6. Sekalipun kemerosotan dan kemelesetan ekonomi dunia, yang juga telah melibatkan negara kita, telah sebanyak sedikit menjejaskan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua ini, tetapi pada keseluruhannya, kejayaan dan kemajuan yang diperolehi amatlah memuaskan. Saya berani mengatakan bahawa asas yang kukuh telahpun dapat dibina, menerusi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru itu. Apa yang diperlukan sekarang ini ialah, meningkatkan lagi asas ini supaya perpaduan dan persefahaman di antara kaum yang telah terjalin

itu, dapat terus dikekalkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Rancangan Malaysia Ketiga pula, akan menyambung usaha ke arah mengekalkan perpaduan dan persefahaman ini, dengan menitikberatkan perkara-perkara yang boleh mengukuhkan keselamatan negara. Sungguhpun projek-projek pembangunan, yang bertujuan mengurangkan kemiskinan serta menyusun semula masyarakat Malaysia yang tidak seimbang ini, akan terus dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ~~ini~~, tetapi matalamat menyelesaikan masalah keselamatan akan tetap diberi keutamaan.

8. Ini difikirkan perlu, kerana tanpa keamanan dan ketenteraman, segala kemajuan yang telah dicapai atau yang akan diperolehi, akan menjadi sia-sia dan hampa sahaja. Itulah sebabnya saya selalu menegaskan pentingnya rakyat berbagai kaum dan keturunan, <sup>meng-eratkan</sup> mengeratkan perpaduan dan persefahaman. Mereka hendaklah juga sentiasa memberikan sokongan serta kerjasama sepenuhnya, kepada pasukan keselamatan bagi mengekalkan keamanan dan ketenteraman ini. Dengan jalan ini, kemajuan dan kemakmuran yang di capai itu, boleh terus dapat dinikmati oleh rakyat ramai.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Syukurlah di masa-masa kebelakangan ini, dengan maklumat yang diberikan oleh rakyat ramai, pasukan polis dan tentera telah dapat mengambil tindakan ke atas orang-orang, yang dipercayai telah melakukan kegiatan-kegiatan yang membahayakan keselamatan negara. Dalam gerakan memburu anasir-anasir komunis dan subversif ini, pasukan polis telah juga dapat menghancurkan kumpulan-kumpulan jahat dan penjenayah-penjenayah.

..9/-

10. Saya penuh yakin, pengganas-pengganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional ini, tidak akan dapat bertapak di negara kita, melakukan kekejaman dan kerosakan, selagi rakyat ramai tidak memberikan sokongan dan bantuan terhadap perjuangan jahat mereka itu. Itulah sebabnya saya suka melihat setiap rakyat melibatkan diri mereka sepenuhnya, dalam peperangan kita menentang dan menghapuskan ancaman dari musuh-musuh negara ini.

11. Dalam hubungan ini, rakyat diberi kesempatan dan peluang sepenuhnya untuk mengambil bahagian dalam pertubuhan-pertubuhan bagi berkhidmat dalam rancangan-rancangan pertahanan dan keselamatan negara. Pertubuhan-pertubuhan seperti ini

terdapat di tiap-tiap daerah dan kawasan, di mana rakyat dari semua keturunan<sup>dan</sup> yang sihat dan berfikiran waras, boleh menyumbangkan tenaga mereka. Kesemua pertubuhan-pertubuhan ini boleh melahirkan perasaan dan semangat cintakan kepada negara, serta boleh mewujudkan perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat berbilang kaum.

12. Rukun Tetangga merupakan usaha terbaru, yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan penglibatan rakyat dalam pertahanan dan keselamatan negara. Seluruh tenaga rakyat, tanpa mengira pangkat atau darjat, kaya atau miskin, kaum dan keturunan, <sup>atau fahaman politik</sup> ~~atau fahaman politik~~,

disatukan di bawah rancangan Rukun Tetangga ini, khususnya bagi melahirkan semangat patriotism atau semangat cintakan negara. Rukun Tetangga bermula dengan cintakan tempat permastautenan sendiri, serta penduduk-penduduk sekelilingnya. Semangat dan perasaan yang baik ini, diharap akan dapat meluas dan ditingkatkan kepada cintakan negara dan bangsa.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Saya merasa amat bangga kerana sejak rancangan Rukun Tetangga ini mula dilancarkan pada 29hb Ogos tahun lalu, di Kampung Kasipillai dalam Wilayah Persekutuan, sambutan yang diterima dari rakyat ramai semua peringkat, amatlah

menggalakkan. Banyak kawasan, berikutan dari hasrat penduduk-penduduknya, telah memohon untuk mengadakan rancangan Rukun Tetangga ini, tetapi setakat ini kita hanya dapat membenarkan penubuhan sejumlah 160 buah kawasan sahaja. Johor merupakan negeri yang terbanyak sekali menubuhkan rancangan ini, iaitu 34 kawasan, di samping Wilayah Persekutuan sebanyak 42 kawasan.

14. Dasar Kerajaan mengenai penubuhan rancangan Rukun Tetangga ini ialah, bahawa hasrat dan keinginan menubuhkannya itu hendaklah dilahirkan oleh seluruh penduduk di sesuatu kawasan itu sendiri, tanpa paksaan atau tekanan oleh undang-undang. Kerajaan hanya membenarkan Rukun Tetangga ditubuhkan di tempat-tempat dan kawasan yang difikirkan perlu,

seperti di kawasan-kawasan di mana kes-kes jenayah kerap berlaku, atau kegiatan-kegiatan kumpulan jahat sangat berleluasa.

15. Sungguhpun Rukun Tetangga tidak memerlukan perbelanjaan yang banyak, dan khidmatnya merupakan sumbangan penting terhadap membantu pasukan polis mencegah perbuatan jenayah, serta memelihara keamanan dan keselamatan negara, pertumbuhannya patutlah di hadkan buat tahun permulaan ini. Sekatan penubohan nya perlu diadakan kerana difikirkan bahawa tidak ada gunanya Rukun Tetangga tumbuh seperti cendawan, jika penubohan yang banyak itu tidak mendatangkan apa-apa kesan terhadap hasrat dan tujuan yang di

harapkan. Bertambah pula rancangan ini memerlukan pengawasan tertentu oleh pihak yang berkenaan.

*Kita semua tahu*  
 16. ~~Saya dapat tahu~~ bahawa ramai rakyat Malaysia yang tinggal di Johor Bahru ini, ~~tetapi terpaksa~~ *bekaya* menjalankan tugas dan khidmat mereka di Seberang Jambatan Tambak Johor. Mereka ini telah, dengan perasaan penuh taat setia dan keikhlasan, menyempurnakan kewajipan mereka dalam kawalan Rukun Tetangga, kadangkala di waktu-waktu selepas tengah malam dan suboh. Sekalipun peraturan Rukun Tetangga ini, yang membolehkan mereka diberi masa rihat oleh majikan atau<sup>s</sup> tugas yang dijalankannya itu, tidak ~~diakui dan diiktirafkan~~ *lulus* di negara jiran kita, mereka telah menunjukkan taat setia dan cintanya kepada negara ibundanya. Saya sesungguhnya merasa amat bangga di atas sikap yang terpuji ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

17. Persetujuan yang telah dicapai dalam perundingan Perjanjian Perkongsian Minyak antara PETRONAS dengan syarikat-syarikat minyak, merupakan natijah yang amat baik ke arah mengukuhkan bidang ekonomi dan kewangan negara kita. Memandangkan kepada hasil tambahan dari sumber minyak dan gas ini, masa depan kita amatlah cerah, dan kita bolehlah mengharapkan perubahan-perubahan socio-ekonomi yang lebih berkesan lagi, bagi membolehkan rakyat di semua peringkat dan golongan menikmati kekayaan negara ini sepenuhnya. Dalam konteks menghadapi kedua-dua cabaran pembangunan dan keselamatan yang besar inilah, maka saya menyeru

kepada sekalian hadirin supaya mengamalkan sikap yang lebih tegas lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

18. Menjelang tahun 1977 akan datang ini, marilah kita semua membaharui tekad dan azam, serta menyatukan tenaga dan kekuatan kita, menentang dengan secara habis-habisan musuh-musuh negara, supaya pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, yang memerlukan perbelanjaan beribu-ribu juta ringgit itu, dapat diselenggara *kan* ~~kan~~ dengan licin dan sempurna, tanpa sebarang gangguan.

19. Kita perlu menguatkan barisan kita, mengeratkan perpaduan dan persefahaman kita, serta memberikan kerjasama dan bantuan kita sepenuhnya kepada Kerajaan, supaya kita tidaklah terpaksa mewujudkan perbelanjaan tambahan untuk membendung masalah keselamatan dan ketenteraman negara. Dengan jalan ini, segala hasil mahsul negara dapat disalurkan sepenuhnya untuk membiayai perbelanjaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.

20. Sungguhpun punca hasil dan kewangan negara di masa hadapan amatlah menggalakkan, tetapi kita tidaklah ingin wang itu dicurahkan terhadap perbelanjaan keselamatan dan pertahanan negara. Kita perlukan pembangunan, yang boleh memberikan

faedah kepada rakyat serta mendatangkan kemakmuran kepada negara.

21. Inilah hasrat dan cita-cita kita dalam Barisan Nasional. Kerajaan akan melaksanakan segala tanggungjawab dan kewajipannya dengan bersungguh-sungguh, supaya kekayaan negara boleh dapat dinikmati oleh semua lapisan rakyat berbilang kaum, dengan lebih adil dan saksama lagi. Kita telahpun membina asas yang kuat bagi mencapai perpaduan dan persefahaman yang lebih kukuh lagi. Inilah harapan dan cita-cita kita, semoga Malaysia yang telah kita sama-sama bina dan tubuhkan ini, akan terus kekal sebagai

sebuah negara yang kukuh dan kuat, aman dan bersatu padu buat selama-lamanya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

22. Bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terimakasih kepada sekalian hadirin atas penghormatan meraikan saya dalam majlis yang indah dan permai ini.

Terimakasih.

\*\*\*\*\*



JUL 1978

**PERKHIDMATAN  
ARKIB PERDANA MENTERI**



**JUL 1978**



No Siri	226
No Penerimaan	33/78